

Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia

Cabaran Dalam Malaysia

Cabaran untuk menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi

- Mempelbagaikan kegiatan ekonomi.
- Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan.
- Memajukan sistem pendidikan.

Krisis politik di Sarawak

Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak apabila 21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan.

Perpaduan kaum

- Perpaduan sentiasa menjadi agenda bagi pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara.
- Jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran kepada integrasi nasional.

Pemisahan Singapura

Faktor Pemisahan

Politik

- Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.
- Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan.
- Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew.

Ekonomi

- Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan.
- Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai.
- Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.

Permasalahan kaum

Berlaku rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964.

